

CNS5464

U CB 28-08 00198 BA122

aab

Mahathir - Jenayah

(EMBARCO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI)

I

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini memberi amaran kepada bakal penjenayah kewangan bahawa mereka akan didenda dengan berat jika mereka ditangkap.

Keruntuhan pasaran saham dan tindakan mengeluarkan wang secara beramai-ramai daripada bank, tidak akan menghalang kerajaan daripada mengambil tindakan itu, katanya sambil merujuk kepada kesan terhadap pasaran saham baru-baru ini ekoran siasatan mengenai kegiatan dagangan dalaman.

Mujurlah tidak terdapat bukti tentang kegiatan dagangan dalaman itu, katanya dan menambah bahawa jika keadaan pasaran tidak pulih, itu ialah akibat perbuatan penyebar khabar angin -- parasit yang menjalari kehidupan politik dan ekonomi Malaysia.

Malaysia, sambil mengorak langkah menjadi negara maju sepenuhnya, berharap untuk mengelakkan daripada skandal kewangan seperti yang berlaku di negara-negara perindustrian yang lebih kaya, kata beliau pada majlis makan malam, institusi-institusi kewangan di sini.

Beliau menyebut kes Bank of Credit And Commerce International (BCCI), dagangan dalaman Ivan Boesky dan skandal kewangan yang lain yang melibatkan Salomon Brothers dan Nomura Securities sebagai contoh pembangunan ekonomi yang membawa kepada keruntuhan moral. -- Lagi.

♥28/08/19-30MST

CNS5466

U CB 28-08 00177 BA123

aab

Mahathir - Jenayah 2 Kuala Lumpur (Embargo)

+Kita tidak akan mampu mengelakkan kesemua ini dengan sepenuhnya, tetapi dengan adanya peringatan awal dan penyemaian nilai etika yang baik secara berterusan, kita harap dapat mengelakkan daripada akibat paling buruk penyakit ini,+ katanya.

Wawasan untuk mencapai taraf negara maju bermakna tidak sahaja daripada segi pendapatan tetapi juga pembentukan masyarakat yang seimbang daripada segi kebendaan dengan nilai intelek dan moral.

Yang kerap berlaku ialah apabila sesebuah masyarakat mencapai kemajuan yang tinggi, masyarakat itu menjadi berpecah kerana sudah berlebihan dengan kekayaan kebendaan.

Bagi Malaysia, walaupun bunyinya agak terlalu idealistik, negara ini hendaklah berusaha mencapai kualiti hidup yang mengejar kekayaan dengan disertai oleh perasaan ambil berat terhadap alam sekitar dan kehidupan secara keseluruhannya.

+Kita tidak boleh menjamin bahawa jika kita mencapai matlamat kita, ini tidak akan berlaku kepada kita,+ katanya dan menambah: +Tetapi sekurang-kurangnya, sementara kita masih belum terjejas oleh kejayaan, kita hendaklah berusaha untuk menanam nilai-nilai yang akan menjadikan kita orang yang tetap berpijak pada kenyataan.+ -- Lagi.

♥28/08/19-31MST

CNS5467

U CB 28-08 00097 BA124

aab

Mahathir - Jenayah 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata banyak negara maju menghadapi masalah kemerosotan nilai moral dan kebudayaan, ahli politik yang rasuah, kehancuran institusi keluarga dan jenayah yang dahsyat seperti pembunuhan beramai-ramai.

+Jika inilah haluan yang kita tujui, maka eloklah kita bertanya diri kita sendiri, adakah ini berpadanan dengan usaha kita.+

Beliau berkata sekarangpun sudah ada orang yang menentang pembangunan dan berusaha untuk menyekatnya kerana bimbang akan kelahiran masyarakat yang bercorak kebendaan, yang mementingkan keseronokan dan tidak bertuhan.

-- Bernama.

♥28/08/19-32MST